

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID  
[ KEMAMAN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan rancangan melanjutkan bantuan diskaun bil elektrik secara bersasar bagi tempoh November sehingga Disember 2020 terutamanya kepada kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah melanjutkan pemberian diskaun bil elektrik secara berperingkat sebanyak 2% hingga 50% kepada semua pengguna domestik sehingga 31 Disember 2020 yang sepatutnya tamat pada 30 September 2020 yang lalu. Selain itu, pemberian diskaun bil elektrik secara bersasar sebanyak RM40 kepada Ketua Isi Rumah (KIR) dalam kategori miskin tegar dan miskin yang berdaftar dan disahkan melalui Sistem e-Kasih masih diteruskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN CHE ALIAS BIN HAMID  
[ KEMAMAN ]**

**SOALAN NO. 121**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ] minta MENTERI  
SUMBER MANUSIA menyatakan;**

- 1) statistik mereka yang mendapat pekerjaan melalui insentif #HireMalaysia berdasarkan kategori pekerja tempatan di bawah umur 40 tahun, 40 hingga 60 tahun dan golongan mudah terjejas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan rekod Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO, sehingga 20 November 2020, **Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentives*)** telah berjaya menempatkan seramai **84,922** orang pekerja yang terdiri daripada pecahan seperti berikut:

- a) Program ***HireMalaysia*** - Seramai **68,198** pekerja berjaya ditempatkan bagi umur bawah 40 tahun ke bawah dan **10,874** orang pekerja bagi 40 tahun ke atas;
- b) Insentif Pengambilan Pekerja Tempatan dari golongan mudah terjejas (**Orang Kurang Upaya - OKU**). Seramai **351** Orang Kurang Upaya (OKU) berjaya ditempatkan

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah jumlah guru dan pegawai yang berkhidmat di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dan apakah angka pecahan untuk setiap negeri dan wilayah.

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,**

Pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berkhidmat di sekolah terbahagi kepada dua kumpulan iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) atau lebih dikenali sebagai Guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP).

Sehingga 30 November 2020, terdapat sejumlah 414,330 orang PPP dan 66,868 orang AKP yang berkhidmat di sekolah seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 235,793 orang PPP dan 37,435 orang AKP berkhidmat di sekolah rendah manakala seramai 178,537 orang PPP dan 29,433 orang AKP pula berkhidmat di sekolah menengah. Perincian pecahan PPP dan AKP adalah seperti jadual di bawah :

Bilangan PPP dan AKP di seluruh negara. Data adalah seperti pada 30 November 2020.

NEGERI	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)			Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP)		
	Rendah	Menengah	Jumlah	Rendah	Menengah	Jumlah
JOHOR	27661	21109	48770	3725	3382	7107
KEDAH	16928	13579	30507	2417	2224	4641
KELANTAN	16080	12534	28614	2567	2236	4803
MELAKA	7726	6034	13760	1098	949	2047
NEGERI SEMBILAN	9593	7904	17497	1490	1489	2979
PAHANG	14375	11292	25667	2626	2401	5027
PERAK	20630	17174	37804	3378	2806	6184
PERLIS	2375	2295	4670	448	466	914
PULAU PINANG	10541	9119	19660	1262	1412	2674
SABAH	26652	16317	42969	4552	2469	7021
SARAWAK	25180	14986	40166	6980	2747	9727
SELANGOR	35029	26268	61297	3788	3299	7087
TERENGGANU	11891	10322	22213	1865	2116	3981
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	9070	8145	17215	983	1183	2166
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	748	628	1376	108	109	217
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA	1314	831	2145	148	145	293
<b>JUMLAH</b>	<b>235793</b>	<b>178537</b>	<b>414330</b>	<b>37435</b>	<b>29433</b>	<b>66868</b>